

KOR SISPA memberi pendedahan terhadap aktiviti kesukarelawanan, rawatan awal kecemasan, kepimpinan dan pelbagai kemahiran penting.

Wafiy puas dapat menabur bakti

Personaliti Kampus

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

MENYERTAI Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) mengubah sudut pandang Muhammad Nur Syazwan Wafiy Mohd. Aseri, 23, terhadap badan beruniform yang selama ini menganggap hanya menekankan kawad kaki semata-mata.

Setelah mendaftarkan diri dalam Kor SISPA Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai kadet, ia membuka mata Muhammad Nur Syazwan Wafiy atau lebih mesra disapa Wafiy terhadap badan beruniform yang sebenarnya mengajar erti sebenar kehidupan.

Wafiy merasai perubahan besar dalam hidupnya terutamanya berkaitan disiplin diri, penjagaan masa, keupayaan diri dan nilai kepimpinan apabila turut terlibat dalam Majlis Perwakilan Kadet Kor SISPA.

"Ketika di bangku sekolah saya kurang berminat menyertai aktiviti persatuan atau beruniform kerana merasakan buang masa sahaja, lebih baik fokus kepada pelajaran.

"Tetapi, entah bagaimana hati saya tertarik untuk menyertai Kor SISPA di UPM dan terus mendaftarkan diri ketika hari promosi badan beruniform untuk pelajar baharu.

"Sebab utama saya pilih Kor SISPA ialah kerana saya meminati aktiviti kesukarelawanan dan juga rawatan awal kecemasan yang sedikit sebanyak dapat membantu diri sendiri serta orang lain yang dalam kesusahan," katanya kepada K-Kampus.

Tambahnya, mahasiswa pada masa kini menghadapi persaingan yang sengit dengan graduan-

WAFIY bijak menyeimbangkan penyertaan dalam Kor SISPA dan cemerlang dalam akademik apabila meraih anugerah dekan pada semester pengajian.



WAFIY (belakang dua dari kanan) memberikan sepenuh komitmen kepada Kor SISPA dan menggalas pelbagai jawatan dalam badan beruniform tersebut.



WAFIY ketika Istiadat Pentauliah Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan Kali ke-16 Tahun 2025.

graduan yang lain lantas memerlukan mereka untuk mempunyai nilai tambah dan bukannya bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata.

Menurut Wafiy, sebagai pelajar dalam bidang Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu, dia melihat penglibatan dalam Kor SISPA sebagai satu nilai tambah yang sangat besar.

"Bidang pengajian saya banyak melibatkan kemahiran komunikasi, kefahaman terhadap tingkah laku manusia serta keupayaan membuat analisis dalam situasi tertentu. Semua itu selari dengan apa yang saya pelajari dalam badan beruniform ini.

"Melalui Kor SISPA, saya belajar cara berkomunikasi dengan jelas dalam situasi tekanan, membuat keputusan secara rasional serta bekerja dalam pasukan yang pelbagai latar belakang.

"Pengalaman ini sangat membantu saya dari segi keyakinan diri, kepimpinan dan

pengurusan emosi yang saya rasa amat penting untuk masa depan kerjaya tidak kira dalam apa jua bidang," ujarnya yang berasal dari Pasir Gudang, Johor.

Sementara itu, antara pengalaman yang tidak boleh dilupakan sepanjang penglibatan dalam Kor SISPA ialah misi pembersihan pascabanjir di Bachok, Kelantan apabila buat pertama kali dia melihat keadaan banjir di depan mata.

"Seumur hidup saya tidak pernah merasai kejadian banjir kerana tinggal di kawasan yang agak tinggi, sekali gus terlindung daripada musibah banjir.

"Ketika misi itu saya dapat melihat sendiri betapa dahsyatnya musibah banjir dan kesusahan mangsa-mangsa banjir untuk pulih kembali termasuk membersihkan rumah serta menyelamatkan harta benda.

"Oleh itu, saya rasa satu penghargaan dapat membantu mereka yang dalam kesusahan dan berasa sangat puas apabila melihat senyuman terukir di wajah mereka," tutur anak bongsu daripada empat beradik itu.

Selain itu, satu lagi peristiwa yang sukar untuk Wafiy lupakan apabila dia perlu menyeimbangkan antara pelajaran dan juga tanggungjawab sebagai ahli majlis perwakilan kadet.

"Berlaku pertembungan antara peperiksaan akhir dan juga tugas kem tahunan Kor SISPA yang memerlukan saya memberikan komitmen kepada kedua-duanya.

"Situasi ini sangat mencabar dan membuatkan saya sangat sibuk. Saya terpaksa bersenggang mata dari malam sampai pagi untuk melunaskan tanggungjawab kedua-dua ini.

"Syukur saya berjaya mendapat anugerah dekan dalam semester pengajian dan kem juga berjalan dengan lancar. Kejayaan ini juga berkat doa ibu bapa yang sentiasa beri sokongan penuh kepada saya," katanya yang pernah dilantik sebagai bendahari dan exco keusahawanan Kor SISPA.

Wafiy yang kini sedang menjalani latihan industri di Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat UPM terus menabur bakti dengan menjadi jurulatih sukarelawan Kor SISPA di UPM setiap hujung minggu.

Berbicara mengenai perancangan masa hadapan, Wafiy ingin bergelar pensyarah dan pada masa sama dia juga berminat untuk bertugas sebagai pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).